

Um(Timur) Jumaat 3/10/14 m/s 27

UMP anjur Expoconvo 2014 dari 8-12 Oktober

KUANTAN 2 Okt. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kumpulan Utusan sekali lagi bekerjasama menganjurkan Expoconvo 2014 sempena Majlis Konvoquesyen UMP kesembilan yang akan diadakan di kampus universiti itu di Gambang dan Pekan dekat sini, bermula Rabu ini hingga 12 Oktober ini.

Pengarah Program Expoconvo 2014, Goo Boon Chin berkata, beliau berharap kerjasama ini dengan publisiti yang diberikan Kumpulan Utusan mampu menarik lebih ramai pengunjung terutamanya penduduk di sekitar Pekan, Gambang

dan Lepar.

"Pembukaan Expoconvo 2014 akan dimulakan dengan penganjuran pertandingan dekorasi kek cawan dan menjahit, program senamrobik, kitar semula, pemeriksaan kesihatan dan kempen derma darah yang akan bermula di kampus Gambang, Rabu ini.

Pada hari berikutnya, akan di-



adakan seminar perubatan Islam, ceramah kesihatan bersama-sama Cef Zamir iaitu juara *Masterchef Malaysia All Star*, pertandingan memasak menu sihat dan seminar transformasi usahawan muda," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Boon Chin, setiap pengisian aktiviti yang dianjurkan bersesuaian dengan tema

sambutan iaitu *Go Green, Go Healthy*.

"Kita akan menekan aspek mesra alam sekitar yang bukan sahaja baik untuk kesihatan dan persekitaran tetapi cantik apabila dipandang.

"Sebagai contoh, penglibatan murid sekolah rendah dalam program *High Impact Event* iaitu memasukkan impian mereka yang ditulis di dalam botol-botol terpakai dan kemudian diletakkan ke dalam sebuah kontena yang disediakan.

"Penggunaan botol dan kertas

terpakai itu adalah salah satu usaha untuk memujuk mereka menyertai kempen kitar semula dalam usaha menjaga alam sekitar," jelasnya.

Selain itu katanya, antara program yang akan diadakan ialah pertandingan mewarna, peragaan pakaian kanak-kanak, kembara bermotor UMP, pertandingan inovasi, forum *Save Gaza* dan forum wanita muslimah bertajuk *Cantiknya Dirimu Wahai Muslimah Solehah*.

"Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan sambutan Expoconvo 2014 kerana 84 gerai jualan dan pameran disediakan," jelasnya.